KERJA RUMAH 11

Tarikh: _____ Masa: _____

A. *Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.* SP5.1.1

cermin mata	tanda nama	tinggi lampai
merah padam	tahan lasak	menarik diri

1 Budak yang _____ itu tidak menangis walaupun terjatuh ke dalam longkang.

2 Muka kakak _____ menahan marah apabila adik menconteng diarinya.

3 Peraturan memakai _____ bagi setiap murid sudah lama dikuatkuasakan.

4 Mei Ling _____ daripada menyertai ekspedisi itu kerana tidak mendapat keizinan bapanya.

5 Gadis yang _____ itu ialah sepupu Hanizan.

6 "Pandangan saya menjadi kabur jika tidak memakai _____," kata Azrin.

B. *Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat* **satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa** *tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1 Pengalaman jatuh bangun semasa zaman pemerintahan Jepun masih segar dalam ingatan datuk.

_____

2 Pihak kami akan menjalankan uji kaji untuk memilih pengacara bagi program baharu itu.

_____

3 Para peserta yang menyertai perkhemahan itu diwajibkan membawa lampu tidur.

_____

4 Ketua kumpulan kongsi-gelap itu telah diberkas oleh pihak polis.

_____

5 Mayat pelancong asing itu akan dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan untuk disoal siasat.

_____

6 Sesi temu ramah bagi jawatan Pegawai Tadbir itu akan dimulakan pada pukul 9:00 pagi.

_____

7 Nenek terpaksa menggunakan kasut roda kerana kakinya sudah tidak kuat untuk berjalan.

_____

8 Sebagai tuan tanah, Encik Malik dan Puan Harlina mengucapkan terima kasih kepada tetamu yang menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan mereka.

_____

[16 *markah*]

LIVEWORKSHEETS